

## ASAS KETENTERAAN ISLAM DI BAWAH NŪR AL-DĪN MAḤMŪD ZANKĪ (1146-1174M)

### *FOUNDATIONS OF ISLAMIC MILITARY UNDER NŪR AL-DĪN MAḤMŪD ZANKĪ (1146-1174 AD)*

Mohamad Fikri Mohd Bakri<sup>1</sup>  
Mohd Roslan Mohd Nor<sup>2</sup>  
Umar Shu'aibu Gokaru<sup>3</sup>  
Ezad Azraai Jamsari<sup>4\*</sup>

<sup>1</sup> Jabatan Sejarah, Tamadun dan Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia (Email: bakrifikri07@gmail.com; m\_fikri@um.edu.my)

<sup>2</sup> Jabatan Sejarah, Tamadun dan Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia (Email: m\_roslan@um.edu.my)

<sup>3</sup> Jabatan Sejarah, Tamadun dan Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia (Email: gokaru@um.edu.my)

<sup>4</sup> Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, UKM Bangi, Selangor (E-mail: ezad@ukm.edu.my)

\*Corresponding author: ezad@ukm.edu.my

#### Article history

Received date : 4-3-2026  
Revised date : 5-3-2026  
Accepted date : 1-4-2026  
Published date : 8-4-2026

#### To cite this document:

Mohd Bakri, M. F., Mohd Nor, M. R., Gokaru, U. S., & Jamsari, E. A. (2026). Asas ketenteraan Islam di bawah Nūr al-Dīn Maḥmūd Zankī (1146-1174M). *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (81), 622 – 637.

**Abstrak:** Aspek kepimpinan, disiplin dan moral tentera merupakan antara faktor teras kejayaan peperangan menurut Sun Tzu. Berasaskan kerangka ini, makalah ini meneroka asas ketenteraan Islam di bawah pemerintahan Nūr al-Dīn Maḥmūd Zankī (1146-1174M) dengan memberi tumpuan kepada struktur dan logistik tentera, komposisi pasukan, kebajikan tentera serta taktik perang yang digerakkan dalam usaha mempertahankan dan membebaskan wilayah-wilayah Islam. Dari sudut metodologi, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis terhadap teks-teks sejarah utama dan karya sekunder yang membincangkan pemerintahan serta strategi ketenteraan Nūr al-Dīn. Dapatan kajian memberikan gambaran yang lebih tuntas berkenaan asas ketenteraan yang dibangunkan oleh Nūr al-Dīn bukan sahaja memperkukuh kestabilan dan keberkesanan pertahanan Islam pada zaman pertengahan, malah memperlihatkan satu model ketenteraan yang tersusun, berteraskan keadilan sosial serta menekankan dimensi moral dan kebajikan tentera. Secara tidak langsung, kajian ini menyumbang kepada pengayaan wacana ketenteraan Islam dengan mengetengahkan hubungan antara kepimpinan strategik, etika perang dan kelangsungan sebuah kerajaan Islam.

**Kata Kunci:** Sejarah Ketenteraan; Nūr al-Dīn Maḥmūd Zankī; Perang Salib; Taktik; Kebajikan

**Abstract:** *Leadership, discipline, and military morale are among the core factors of success in warfare according to Sun Tzu. Based on this framework, this article explores the foundations of the Islamic military under the reign of Nūr al-Dīn Maḥmūd Zankī (1146-1174 AD), focusing on military structure and logistics, troop composition, soldier welfare, and the combat tactics deployed in efforts to defend and liberate Islamic territories. Methodologically, this study employs a qualitative approach through the analysis of primary historical texts and secondary works discussing Nūr al-Dīn's administration and military strategies. The findings provide a comprehensive overview of how the military foundations developed by Nūr al-Dīn not only strengthened the stability and effectiveness of Islamic defense during the medieval period but also demonstrated an organized military model rooted in social justice, emphasizing moral dimensions and troop welfare. Indirectly, this study contributes to the enrichment of Islamic military discourse by highlighting the relationship between strategic leadership, war ethics, and the sustainability of an Islamic state.*

**Keywords:** *Military History; Nūr al-Dīn Maḥmūd Zankī; Crusades; Tactics; Welfare*

## Pengenalan

Kejatuhan Bayt al-Maqdis ke tangan tentera Salib pada tahun 492H/1099M secara tidak langsung telah mengubah landskap geopolitik dunia Islam khususnya di Bilād al-Shām. Situasi dunia Islam yang dilatari dengan perpecahan baik secara wilayah mahupun mazhab menjadi antara faktor di sebalik kejayaan pasukan Salib menguasai sebahagian wilayah al-Shām, termasuk membina empat pemerintahan utama iaitu *County of Edessa*, *County of Tripoli*, *Principality of Antioch* dan kerajaan Latin Bayt al-Maqdis (Alatas & Majdin, 2022). Negeri-negeri Salib ini turut memperkukuh kedudukan mereka melalui pembinaan kubu, sokongan ketenteraan Eropah dan jaringan politik yang tersusun. Dalam suasana krisis inilah muncul kerajaan Zankiyyah yang diasaskan oleh 'Imād al-Dīn Zankī, dan kemudian diwarisi oleh puteranya, Nūr al-Dīn Maḥmūd Zankī (memerintah 1146-1174M). Nūr al-Dīn dilihat sebagai antara tokoh terpenting dalam proses kebangkitan semula kekuatan Islam di al-Shām sebelum kemunculan Ṣalāḥ al-Dīn al-Ayyūbī (Othman, 2018). Nūr al-Dīn merupakan putera kepada 'Imād al-Dīn Zankī, atabek Mosul dan Aleppo. Setelah kematian ayahnya pada tahun 1146, wilayah pemerintahan Zankiyyah terpecah kepada dua kota utama buat seketika waktu. Sayf al-Dīn Ghāzī menguasai Mosul, manakala Nūr al-Dīn memerintah Aleppo sebelum kemudiaanya berjaya meluaskan pengaruh ke Mosul selepas kematian Sayf al-Dīn Ghāzī. Sepanjang pemerintahannya, Nūr al-Dīn terlibat dalam beberapa operasi ketenteraan penting menentang orang Frank, termasuk mempertahankan Edessa, menewaskan tentera Antioch, serta menguasai kota-kota strategik dan kubu pertahanan di rantau Bilād al-Shām. Penyatuan antara kota Aleppo dan Dimashq di bawah pemerintahannya dianggap titik penting dalam merapatkan saf politik umat Islam di wilayah tersebut (Daud et. al, 2018).

Namun, kekuatan Nūr al-Dīn tidak terbatas pada keupayaan ketenteraan semata-mata. Sumber-sumber sejarah menggambarkannya sebagai pemerintah yang berperwatakan soleh, menegakkan keadilan dan komitmen terhadap syiar Islam. Beliau menyokong pembinaan madrasah, masjid, *ribāt*, *bimāristān* dan institusi wakaf sebagai medan pengukuhan akidah, ilmu dan solidariti sosial (Ibn 'Asākir, 1995). Dari satu sisi, gerakan jihad yang digerakkannya bukan hanya berupa seruan perang, tetapi satu projek pembaharuan menyeluruh yang melibatkan ulama, pendakwah dan institusi pendidikan bagi membina kesedaran bersama menentang ancaman Salib dan penyelewengan dalaman (Daud, 2015). Dalam konteks ketenteraan, pemerintahan Nūr al-Dīn menyaksikan pembentukan asas ketenteraan Islam yang

lebih tersusun dengan pengukuhan pasukan berkuda profesional (kavalri), pembinaan dan pemulihan kubu-kubu utama, penetapan tentera upahan di bandar-bandar strategik, serta penggunaan sistem ekonomi seperti *iqṭā'* untuk menyara para komander dan tentera. Di samping itu, unsur spiritual dan etika Islam disepadukan dalam disiplin ketenteraan melalui khutbah, fatwa dan nasihat para ulama yang berada dekat dengan struktur kuasa. Ini menjadikan ketenteraan pada era Nūr al-Dīn bukan sekadar institusi fizikal, tetapi sebahagian daripada gagasan politik-keagamaan yang berteraskan konsep jihad, keadilan dan tanggungjawab terhadap pembebasan wilayah-wilayah Islam yang dijajah. Walau bagaimanapun, perbincangan ilmiah kontemporari menunjukkan bahawa banyak kajian lebih menumpukan kepada dimensi politik dan operasi ketenteraan Nūr al-Dīn berbanding analisis terperinci tentang asas ketenteraannya dari sudut prinsip, struktur dan institusi yang dibina. Justeru, makalah ini menumpukan kepada asas ketenteraan Islam di bawah Nūr al-Dīn Maḥmūd Zankī (1146-1174M) dengan meneliti bagaimana beliau membina kekuatan struktur dan logistik tentera, komposisi pasukan, kebajikan tentera serta taktik perang yang digerakkan dalam usaha mempertahankan dan membebaskan wilayah-wilayah Islam.

### Matlamat Ketenteraan

Dalam konteks geopolitik abad ke-12M, matlamat ketenteraan Nūr al-Dīn Maḥmūd Zankī terbentuk sebagai reaksi langsung terhadap tiga krisis utama yang melatari pemerintahannya: pertama, ancaman peluasan kuasa Frank di wilayah al-Shām; kedua, persaingan kuasa dalam kalangan pemerintah Islam sendiri; dan ketiga, kewujudan pakatan politik antara sesetengah pemimpin Muslim dengan pihak Frank. Tiga faktor ini bukan sahaja mengancam keselamatan wilayah Islam, malah menggugat legitimasi politik dan agama kepimpinan Muslim. Justeru, pengukuhan ketenteraan di bawah Nūr al-Dīn perlu difahami bukan sekadar sebagai respons taktikal, tetapi sebagai projek jihad yang tersusun dan berlapis merangkumi pemantapan aspek aqidah, pengukuhan politik dan strategi perang.

Secara prinsip, Nūr al-Dīn menamakan perjuangannya sebagai *jihad* dan hal ini menandakan bahawa matlamat ketenteraannya tidak dihadkan kepada pembinaan hegemoni politik semata-mata, tetapi diikat dengan tujuan agama: meraih keredaan Allah SWT, membebaskan tanah umat Islam serta menyelamatkan tawanan Muslim daripada cengkaman tentera Frank. Dalam kerangka ini, sokongan kepada projek ketenteraannya digambarkan sebagai sokongan terhadap Islam itu sendiri, manakala sikap enggan menyertai atau membantu jihad ditafsirkan sebagai bentuk pengabaian tanggungjawab mempertahankan agama (Ibn al-Athīr, 1963). Dengan kata lain, jihad di sisi Nūr al-Dīn berfungsi sebagai wacana normatif yang menyatukan legitimasi agama dan agenda ketenteraan.

Walaupun bagaimanapun, tafsiran terhadap konsep jihad dalam polisi ketenteraan Nūr al-Dīn bukanlah satu dimensi. Yaacov Lev, misalnya, berhujah bahawa peperangan yang dilancarkan Nūr al-Dīn tidak semestinya boleh dikategorikan sebagai jihad dalam erti kata yang jelas (Lev, 2008). Hujah ini bagaimanapun dipersoalkan apabila diteliti sumber-sumber sejarah abad pertengahan yang memperlihatkan bagaimana Nūr al-Dīn secara konsisten memposisikan tindakannya dalam kerangka jihad, bukan sahaja ketika berhadapan dengan tentera Frank, bahkan dalam konflik lain yang berkaitan dengan pengkhianatan terhadap agenda jihad. Contohnya, dalam pengepungan pertama terhadap Dimashq pada tahun 544H/1150M, Nūr al-Dīn menjelaskan bahawa tujuannya adalah untuk meletakkan kota tersebut di bawah kepimpinan yang komited terhadap jihad menentang Frank. Apabila elit Dimashq enggan bekerjasama dan malah mendapatkan bantuan Frank, beliau menegaskan bahawa: “Aku tidak

akan berhenti berjihad melawan mereka,” sekali gus menunjukkan penentangan terhadap pakatan dengan musuh dianggap sebahagian daripada tuntutan jihad (Ibn al-Qalānīsī, 1908).

Di sisi yang lain, Abdulkadir Turan berpendapat tiada bukti jelas yang menunjukkan Nūr al-Dīn pernah mendapatkan fatwa khusus untuk berperang melawan musuh yang bukan dari kalangan tentera Frank (Turan, 2018). Pandangan ini bertitik tolak dari peristiwa Nūr al-Dīn yang terlibat dalam permasalahan kerajaan Saljūq Rūm, dengan beliau memberikan justifikasi yang serupa seperti dalam kepungannya terhadap Dimashq (568H/1172M) (Ibn al-Athīr, 2003). Berdasarkan catatan Ibn al-Athīr, Nūr al-Dīn bertindak untuk mengkritik Sultan Qilij Arslān II kerana meninggalkan jihad melawan Byzantine dan bersekutu dengan mereka. Beliau berkata kepadanya: “Sama ada engkau menghantar tenteramu untuk membantu aku dalam jihad menentang tentera Frank, atau engkau berperang melawan Byzantine yang lebih dekat denganmu, dan gunakan hartamu dalam jihad melawan mereka” (Ibn al-Athīr, 2003). Tuntutan Nūr al-Dīn agar sultan sama ada menghantar tentera membantu jihad melawan Frank atau sekurang-kurangnya berperang melawan Byzantine di wilayahnya sendiri memperlihatkan bahawa ukuran kesetiaan agama dan politik di sisinya diikat dengan kesediaan untuk menyertai perjuangan bersenjata menentang musuh-musuh Islam.

Daud (2025) sebaliknya mengutarakan pandangan bahawa Nūr al-Dīn telah mendapatkan saranan atau fatwa terkait perjuangan jihadnya dari para ulama. Bahkan, beliau dikelilingi oleh sejumlah ulama yang terkenal seperti Qādī Kamāl al-Dīn al-Shahrazūrī dan Ibn ‘Asākir (Daud, 2025). Adalah suatu yang janggal sekiranya para ulama ini tidak pernah menyatakan pandangan mereka berhubung tindakan-tindakan Nūr al-Dīn. Tambahan pula, Nūr al-Dīn sendiri dikenali sebagai seorang yang sering melibatkan para ulama dalam pemerintahannya hatta seringkali bermusyawarah dengan mereka dalam satu-satu perkara seperti yang disebutkan oleh Abū Shāmāh (Abū Shāmāh, 2008). Dari satu perspektif, peristiwa di atas secara tidak langsung menunjukkan bahawa bagi Nūr al-Dīn, jihad bukan sekadar perjuangan ketenteraan, tetapi juga berkaitan dengan kesetiaan terhadap Islam yang sebenar.

Manakala, dalam konteks jihad Nūr al-Dīn terhadap orang Frank pula dilihat sebagai usahanya untuk mempertahankan wilayah-wilayah Islam, merampas kembali wilayah yang dijajah dan sebagai strategi dalam peperangan. Hal ini dapat dilihat dalam ekspedisi Nūr al-Dīn pada tahun 541H/1146-47M ketika kota Edessa cuba dirampas kembali oleh orang Frank di bawah pimpinan Joscelin II. Adapun, satu daripada contoh jihad sebagai strategi perang yang diterapkan Nūr al-Dīn adalah ketika beliau bertindak menyerang Bānyās setelah mendapat berita bahawa Asad al-Dīn Shīrkūh sedang terkepung oleh tentera Frank dan pasukan Shāwar di Bilbīs ketika ekspedisi menakluk Mesir pada tahun 559H/1164M (Ibn al-Athīr, 2003). Tindakan ini penting untuk mengganggu tentera Frank di Mesir dan memaksa mereka bergegas mempertahankan kota itu. Pada 18 Oktober 1164 (29 Zulhijah 559H), Bānyās jatuh ke tangan Nūr al-Dīn (Ibn al-Athīr, 2003; William, 1943).

### **Struktur dan Logistik Ketenteraan**

Keberkesanan sesuatu angkatan tentera bergantung kepada struktur organisasi yang tersusun dan sistem logistik yang cekap. Dalam konteks pemerintahan Nūr al-Dīn, kejayaan ketenteraannya bukan hanya didorong oleh kehebatan strategi peperangan, tetapi juga oleh pengurusan pasukan tentera yang sistematik dan penyediaan sumber logistik yang berkesan.

### Struktur Ketenteraan *Nūr al-Dīn Maḥmūd Zankī*

Struktur ketenteraan di bawah pemerintahan *Nūr al-Dīn Maḥmūd Zankī* memperlihatkan suatu organisasi yang dirangka secara sistematis dengan menggabungkan warisan ketenteraan Islam klasik dan pengaruh pentadbiran Saljūq (Ash-Shallabi, 2014). Sistem ini dibina untuk menjamin kawalan pusat yang kukuh sambil mengekalkan keupayaan operasi yang fleksibel dalam menghadapi pelbagai cabaran di medan perang. Di puncak hierarki, *Nūr al-Dīn* sendiri memainkan peranan sebagai *al-Qā'id al-A'zam* (komander tertinggi), menunjukkan keterlibatannya secara langsung dalam perancangan dan pelaksanaan kempen ketenteraan utama. Ketika beliau tidak hadir, tugas ini akan dipikul oleh pegawai berpangkat *muqaddam al-'askar* (ketua pasukan) dan dibantu oleh *Isfahsālār* (panglima besar) yang biasanya terdiri daripada amir kanan seperti Asad al-Dīn Shīrkūh dan Majd al-Dīn Ibn Dayāh (Turan, 2018, al-Ṣafadī, 2000).

Dari sudut pentadbiran, ketenteraan *Nūr al-Dīn* disusun melalui institusi *Dīwān al-Jaysh* yang berfungsi sebagai pusat kawalan rekod, logistik dan ganjaran ketenteraan. Jawatan seperti *Ṣāhib al-Tasjīl* mengurus pendaftaran dan dokumentasi tentera, manakala *Nāzir al-'Uddah* bertanggungjawab terhadap kelengkapan, pengagihan senjata dan bekalan. Di samping itu, *Mushrif al-Iqtā'āt* mengendalikan pemberian tanah sebagai bentuk imbuhan dan galakan, yang secara tidak langsung mengikat kesetiaan tentera kepada pemerintahan *Nūr al-Dīn* (Elisséeff, 1967). Di medan tempur, pembahagian unit-unit tentera di bawah *muqaddam al-'askar*, *qā'id al-ṭalā'i* (komander pasukan hadapan) dan *amīr al-ḥaras* (ketua pengawal) menunjukkan wujudnya pembahagian tugas yang jelas antara pasukan teras, pasukan barisan hadapan dan pasukan pengawal, sekali gus memungkinkan koordinasi taktikal yang lebih berkesan (Ash-Shallabi, 2014).

Dari aspek komposisi, struktur ketenteraan *Nūr al-Dīn* melibatkan gabungan pasukan elit dan pasukan sokongan. Unit berkuda elit *al-Ḥasham al-Sultānī* yang dianggarkan berjumlah sekitar 2,000 orang berperanan sebagai tulang belakang kekuatan tempur, manakala *al-Ṭawā'if al-Muta'āwina* terdiri daripada kontinjen amir tempatan, suku-suku Turkmen dan tentera upahan. Di belakang barisan hadapan, jawatan seperti *Amīr al-Mu'ūnah* (ketua logistik), *Shāhin al-Ṭarīq* (pengawal laluan bekalan) dan *Ra'īs al-Ṭibb* (ketua perubatan) menunjukkan aspek bekalan, keselamatan laluan dan kesihatan tentera diberi perhatian serius. Gabungan elemen kepimpinan, logistik dan perubatan ini menjadikan ketenteraan *Nūr al-Dīn* bukan sekadar kumpulan tempur, tetapi satu sistem operasi yang menyeluruh. Tidak menghairankan apabila sumber-sumber sejarah menegaskan bahawa tentera *Nūr al-Dīn* terkenal sebagai antara pasukan paling berdisiplin di al-Shām, baik dari segi penampilan, kelengkapan mahupun kekuatan angka (Ibn al-Qalānisī, 1908; Abū Shāmah, 2008). Penekanan *Nūr al-Dīn* terhadap latihan dan disiplin turut dizahirkan melalui budaya ketenteraan harian. Latihan seperti permainan *chawgān* (sejenis polo) digunakan sebagai medium membina kemahiran berkuda dan koordinasi fizikal, di samping memupuk semangat kompetitif dalam kalangan tentera (Abū Shāmah, 2008).

Menurut Abu-Munshar (2025), struktur ketenteraan *Nūr al-Dīn* tidak dapat dipisahkan daripada dimensi pendidikan dan pembinaan rohani yang mengiringinya. Pasukannya dipengaruhi secara langsung oleh ulama-ulama Sunni yang berperanan mendidik, menasihati dan membentuk etika jihad dalam kalangan anggota tentera. Pendidikan agama berfungsi sebagai asas pembinaan disiplin dan kefahaman tentang tujuan perjuangan, sekali gus membezakan tentera Islam daripada sekadar kumpulan upahan. Pada masa yang sama, penubuhan institusi seperti *ḥammām* dan *bimāristān* memperlihatkan keterhubungan antara kesihatan jasmani, kebersihan dan kesiapsiagaan ketenteraan. Infrastruktur ini bukan sahaja memberi manfaat kepada

masyarakat awam, tetapi turut menyediakan sokongan fizikal dan perubatan kepada tentera, menjadikan kesejahteraan badan sebahagian daripada prasyarat kekuatan ketenteraan (Ash-Shallabi, 2014). Adapun, dari sudut psikologi kolektif dan simbolik, Nūr al-Dīn memanfaatkan ruang dan simbol keagamaan termasuk pembinaan mihrab dalam masjid contohnya mihrab di *Jami'* Aleppo yang direkodkan menghala ke arah Bayt al-Maqdis yang secara tidak langsung menjelaskan visinya terhadap kota tersebut (Ibn al-Jawzī, 2013, Abu-Munshar, 2025).

### Komposisi Tentera

Komposisi tentera di bawah Nūr al-Dīn Maḥmūd Zankī tidak dapat ditentukan secara tepat dari sudut angka, namun sumber-sumber sejarah memberikan gambaran umum tentang sifat, skala dan kepelbagaian angkatan yang dibentuk. Nikita menegaskan maklumat khusus mengenai jumlah sebenar tentera Nūr al-Dīn sama ada tentera tetap, tentera sekutu atau sukarelawan tidak dihuraikan secara terperinci dalam sumber-sumber utama (Elisséeff, 1967). Namun, sebahagian tentera Nūr al-Dīn dipercayai adalah warisan daripada angkatan tentera bapanya, 'Imād al-Dīn Zankī yang kebanyakannya adalah pasukan dari Mosul.

Beberapa catatan sejarah memberikan gambaran kasar mengenai jumlah tentera di Bilād al-Shām pada zaman Nūr al-Dīn. Pertempuran Inab pada tahun 544H/1149M sebagai contoh, pasukan tentera Nūr al-Dīn dianggarkan sekitar 6,000 tentera berkuda (kavalri). Ini adalah jumlah maksimum tentera tetap yang dimiliki oleh al-Shām pada ketika itu. Menurut Abdulkadir Turan, tanpa bantuan ketenteraan dari pihak lain seperti Mosul dan Artuqid, 6,000 adalah kekuatan jumlah maksimum yang dapat dikumpulkan oleh Nūr al-Dīn (Turan, 2018). Pada tahun 546H/1151-1152M, Nūr al-Dīn menghantar 4,000 orang tentera ke Hawrān bagi menentang tentera Frank. Namun, jumlah tentera Nūr al-Dīn ini menurut Ibn al-Qalānisī semakin meningkat seiring dengan perluasan wilayah, bantuan dari wilayah-wilayah lain dan suku-suku Turkmen sehingga ketika peristiwa kepungan pertama Nūr al-Dīn terhadap Dimashq pada tahun 546H/1151-1152M, Ibn al-Qalānisī menulis mengenai berita yang tersebar dalam kalangan penduduk Dimashq berhubung jumlah tentera yang besar dimiliki oleh Nūr al-Dīn mencecah 30,000 orang (Ibn al-Qalānisī, 1908). Pengkaji melihat jumlah ini kelihatan terlalu dibesar-besarkan dan mungkin hanya merujuk kepada berita yang tersebar dalam kalangan penduduk Dimashq sahaja. Tambahan pula, tiada catatan yang menyebutnya secara khusus dalam siri-siri peperangan yang mendatang. Adapun Yaacov Lev menolak dakwaan Ibn al-Qalānisī mengenai jumlah 30,000 tersebut sebagai tidak boleh dipercayai dan hanya dalam konteks ingin menakutkan pemerintah Dimashq sahaja (Lev, 2008).

Semasa kempen kedua ke atas Mesir pada tahun 562H/1167M, Asad al-Dīn Shīrkūh yang bertindak sebagai panglima Nūr al-Dīn telah memimpin 2,000 tentera berkuda untuk berhadapan dengan pasukan gabungan kesateria Frank dan pasukan Mesir (Ibn al-Athīr, 2003). Jumlah ini kemudiannya meningkat dalam ekspedisi ketiga Asad al-Dīn Shīrkūh ke Mesir pada tahun 564 H/ 1168 M, beliau telah memilih seramai 2,000 tentera tetap dan merekrut 6,000 tentera kavalri, seterusnya membentuk satu pasukan besar seramai 8,000 orang (Ibn al-Athīr, 2003). Meskipun begitu, maklumat mengenai jumlah tentera dari satu sisi perlu diperhalusi dan berhati-hati kerana sering dilebih-lebihkan dalam catatan sejarah. Secara asasnya, Nūr al-Dīn tidak memiliki pasukan yang terdiri daripada puluhan ribu tentera melainkan hanya sokongan dan bantuan dari pemerintah-pemerintah lain. Tambahan pula, setiap amir dalam kerajaan Nūr al-Dīn juga memiliki pasukan tentera peribadi yang terdiri daripada sejumlah tentera tetap. Sebagai contoh Aleppo memiliki pasukan seramai 1,000 orang, meningkat dua kali ganda dari tahun 518H/1124M. Dimashq memiliki pasukan 1,000 tentera, yang pada tahun 569H/1173M dipimpin oleh Shams al-Dīn Ibn al-Muqaddam (Ibn al-Athīr, 2003). Manakala, menjelang akhir

pemerintahan Nūr al-Dīn, jumlah tentera elitnya meningkat kepada 3,000 orang. Di Mosul, seramai 2,000 tentera tetap dengan tambahan sebanyak 4,500 orang lagi dari wilayah al-Jazīra. Asad al-Dīn Shīrkūh pula memiliki pasukan berkuda 500 orang di Ḥomṣ. Adapun maklumat tentang jumlah tentera di kota-kota yang lain tidak diketahui secara jelas. Selepas kematian Shīrkūh, konflik antara bangsa Turki-Kurdi dalam tentera semakin ketara. Ketika Ṣalāh al-Dīn al-Ayyubī mengambil alih pemerintahan Mesir, sebahagian besar tentera Turki yang setia kepada Nūr al-Dīn kembali ke al-Shām, manakala tentera Kurdi tetap setia kepada Ṣalāh al-Dīn dan menetap di Mesir. Selain itu, komposisi pasukan Nūr al-Dīn dibentuk dengan beberapa pasukan yang pelbagai.

#### (a) Tentera Mamlūk

Dalam sistem ketenteraan Nūr al-Dīn, tentera Mamlūk terbahagi kepada kelompok-kelompok berdasarkan garis keturunan seperti *al-Nūriyyah* (pengikut Nūr al-Dīn) dan *al-Asadiyyah* (pengikut Asad al-Dīn Shīrkūh). Pasukan elit ini bukan sahaja berkhidmat secara langsung di bawah Nūr al-Dīn, tetapi juga membentuk unit-unit penting di bawah Amir. Sebagai contoh, Shīrkūh memiliki sekitar 500 Mamlūk al-Asadiyyah yang memegang posisi strategik (Turan, 2018). Ketika ekspedisi ke Mesir, kontinjen Mamlūk ini menjadi antara pasukan inti yang menyertai kempen. Sumber sejarah mengenai sistem latihan dan pengambilan Mamlūk era Nūr al-Dīn agak terhad. Ibn Shaddād mencatatkan peristiwa tahun 565H/1169M mengenai Ḥutlah al-Alamdār, seorang Mamlūk Nūr al-Dīn yang berkhidmat sebagai Amir di kubu ‘Akkā (Abu Shāmah, 2003). Gelaran *alamdār* (pembawa panji) menunjukkan beliau pernah memegang panji perang Nūr al-Dīn, sekali gus membuktikan kewujudan hierarki khusus dalam pasukan Mamlūk. Semasa ekspedisi kedua ke Mesir (562H/1167M), Mamlūk memainkan peranan diplomatik dan ketenteraan. Dalam Peristiwa Perang Bābayn, Sharaf al-Dīn Barghash, seorang Mamlūk Nūr al-Dīn, mengemukakan ultimatum penting, “sekiranya pasukan mereka mengundur diri tanpa bertempur dengan Tentera Frank dan Mesir, segala *iqṭā’* dan ganjaran akan ditarik balik” (Ibn al-Athīr, 2003). Cadangan ini mendapat persetujuan Shīrkūh yang menyatakan, “Ini adalah pendapat yang paling tepat!” Selepas kemangkatan Nūr al-Dīn, Mamlūk beliau terus berkhidmat di bawah pemerintahan putera Nūr al-Dīn, al-Malik al-Ṣāliḥ Ismā‘īl dan Ṣalāh al-Dīn al-Ayyubī (Abu Shāmah, 2003; Ibn al-Athīr, 2003).

#### (b) Tentera Turkmen

Pasukan tentera dari suku Turkmen merupakan antara anggota yang ramai dalam pasukan ketenteraan Nūr al-Dīn. Secara asasnya, Nūr al-Dīn mewarisi tentera berketurunan Turkmen ini dari ayahnya, ‘Imād al-Dīn (Faruk, 1972). Tentera Turkmen memainkan peranan penting dalam beberapa ekspedisi ketenteraan di era Nūr al-Dīn antaranya penaklukan semula Edessa dari Joscelin II pada tahun 541H/1146M, malah Joscelin II, seorang daripada pemimpin utama tentera Frank, berjaya ditawan oleh Turkmen secara serang hendap dan diserahkan kepada Nūr al-Dīn. Pada tahun 544H/1149M, dengan bantuan Turkmen, Nūr al-Dīn berjaya mengalahkan Tentera Frank di Antioch (William, 1943, Ibn al-Athīr, 2003).

Nūr al-Dīn juga bergantung pada kekuatan Turkmen dalam pertempuran di selatan al-Shām dan pengepungan Dimashq. Bilangan Turkmen dalam pasukan Nūr al-Dīn berbeza-beza antara 4,000 hingga 10,000 orang, bergantung pada skala operasi dan keperluan strategik. Selain mahir dalam memanah, mereka juga cekap menggunakan pedang dan tombak. Pasukan pemanah Turkmen ini berperanan penting dalam pertahanan dengan taktik memanah berkelompok, suatu kelebihan yang menjadikan mereka unik dalam struktur ketenteraan Nūr al-Dīn. Turkmen juga terkenal dengan pergerakan pantas sebagai pasukan berkuda, teknik perangkap dengan menjerat musuh ke dalam kepungan berbentuk bulan sabit sebelum menutup lingkaran sepenuhnya dan

ketahanan fizikal yang membolehkan mereka beroperasi dalam pelbagai medan pertempuran. Kombinasi kemahiran ini menjadikan Turkmen sebagai tulang belakang dalam kejayaan ketenteraan Nūr al-Dīn Zankī.

### (c) Tentera Arab

Penglibatan orang Arab dalam ekspedisi ketenteraan Nūr al-Dīn menjadi semakin ketara terutamanya dalam situasi yang memerlukan pengumpulan pasukan besar. Pada tahun 552H/1157M, pasukan gabungan Arab dan Turkmen menyertai kempen di sekitar Bānyās dan Ṭabariyyah serta berhasil menawan atau membunuh beberapa pemimpin penting dalam tentera Frank. Komposisi pasukan Nūr al-Dīn juga mencerminkan kehadiran Arab dalam pelbagai peranan. Orang Arab Badawi memainkan peranan penting dalam perang gerila dan pengintaian, sementara orang Arab Ḥaḍarī yang merupakan penduduk bandar, lebih fokus kepada infantri dan pemanah. Pasukan ini juga terdiri daripada kontinjen khas dari kawasan seperti Ḥawrān, Jabal al-Durūz dan Wādī al-‘Arab. Dalam *al-Kāmil fī al-Tārīkh*, Ibn al-Athīr menyebut bahawa pada ekspedisi 558H/1163M ke Mesir, satu daripada anggota pasukan Nūr al-Dīn terdiri daripada kontinjen Arab yang direkrut secara khusus.

### (d) Tentera Gabungan atau Sekutu

Nūr al-Dīn Zankī menjadikan penyatuan kekuatan sekutu sebagai elemen penting dalam strategi ketenteraannya. Beliau menggunakan tiga pendekatan utama dalam diplomasi ketenteraan untuk mencapai tujuan tersebut iaitu: (a) *al-Arḍ al-Mubāshir*, yang merujuk kepada tawaran langsung kepada sekutu; (b) *al-Ḍaḡḥ al-Siyāsī*, iaitu tekanan politik untuk memaksa pihak-pihak tertentu bergabung; dan (c) *al-Ḥikmah al-Diblūmāsiyyah*, yang melibatkan pendekatan diplomasi yang halus dan bijaksana. Semasa memerintah Aleppo, Nūr al-Dīn bergantung kepada bantuan abangnya, Sayf al-Dīn Ghāzī dan Atabek Dimashq untuk bersekutu dengan beliau. Dalam masa yang sama, beliau berjaya menarik Mu‘īn al-Dīn Unur, seorang pemimpin yang pada mulanya pro-tentera Frank, untuk berpihak kepada beliau. Tindakan ini merupakan satu langkah strategik yang mengubah hala tuju politik di Bilād al-Shām (Ibn al-Athīr, 1963, Ibn al-Qalānisī, 1908). Beberapa ekspedisi bersama turut dilancarkan hasil pakatan antara Aleppo-Mosul-Dimashq ini antaranya serangan terhadap kubu al-‘Urayma pada tahun 543H/1148-1149M (Ibn al-Athīr, 1967).

Setelah menguasai Dimashq, Nūr al-Dīn mengeluarkan Mujīr al-Dīn Ābaq yang juga penguasa Dimashq yang enggan bersekutu dengannya dan memperbaiki hubungan dengan adiknya, Quṭb al-Dīn Mawḍūd, selepas kematian Sayf al-Dīn (Ibn al-Athīr, 1963). Beliau juga berjaya mengintegrasikan pasukan-pasukan seperti *Jund Mawṣil* dan *Quwwāt al-Artuqīyyīn* yang memberikan kekuatan tambahan kepada pasukan beliau. Pakatan ketenteraan antara Aleppo dan Mosul memberikan beberapa impak penting terhadap politik dan ketenteraan dunia Islam. Pakatan ini juga menjadi alat penyatuan dunia Islam, di mana kerajaan Islam yang sebelum ini berpecah-belah mula disatukan dalam satu kepemimpinan yang lebih kuat dan tersusun. Walaupun terdapat ketegangan dan persaingan kuasa antara kedua-dua wilayah, pada akhirnya Nūr al-Dīn muncul sebagai pemimpin utama yang menggabungkan kekuatan Aleppo dan Mosul untuk memperkukuhkan jihad menentang tentera Frank.

### (e) Tentera Asing

Nūr al-Dīn turut menerima bantuan daripada pejuang asing dari pelbagai wilayah Islam, seperti yang dicatatkan oleh Ibn Jubayr (1964) mengenai keterlibatan mujahidin asing dalam pasukan Nūr al-Dīn. Satu daripada kumpulan penting yang terlibat adalah *al-Maghāribah*, yang berasal dari wilayah Maghrib. Mereka memainkan peranan penting dalam penaklukan beberapa *ḥiṣn*

(benteng) tertentu dan terkenal dengan kemahiran mereka dalam peperangan perkotaan. Sebelum keterlibatan *al-Maghāribah*, Tentera Frank tidak mengenakan cukai perdagangan (*al-Maks*) atau cukai tanah (*al-Kharāj*) terhadap penduduk Muslim. Namun, selepas kedatangan *al-Maghāribah*, mereka mula mengenakan cukai di Tibnīn, yang meliputi 1 dinar (24 *qirāt*) untuk *al-Maks* dan 1 *qirāt* untuk *al-Kharāj*. Menurut Ibn Jubayr (1964), satu dinar bersamaan dengan 24 *qirāt*, yang menunjukkan betapa tingginya cukai yang dikenakan setelah keterlibatan mujahidin asing ini. Hal ini menunjukkan tentera Frank mengakui ancaman yang ditimbulkan oleh kehadiran pejuang asing dalam pasukan Nūr al-Dīn (Ibn Jubayr, 1964). Keterlibatan *al-Maghāribah* bukan hanya memperkuat pasukan Nūr al-Dīn dari segi ketenteraan tetapi juga memberikan dimensi baru kepada gerakan jihad, yang kini tidak lagi terbatas kepada wilayah-wilayah tempatan tetapi merangkumi sokongan dari luar kawasan al-Shām.

Selain itu, pasukan Nūr al-Dīn turut menerima kehadiran pasukan tentera dari suku Kurdi. Walaupun jumlah mereka tidak dapat dikenal pasti secara jelas, namun dalam beberapa siri perang yang dilancarkan Nūr al-Dīn ada dicatatkan kehadiran tentera dari suku Kurdi ini seperti peristiwa serangan mengejut orang Frank ke atas pasukan Nūr al-Dīn di kubu al-Akrād pada tahun 558H/1162-1163M (Ibn al-Athīr, 1967; Ibn al-‘Adim, 1996). Malah, ahli keluarga Asad al-Dīn Shirkūh dan Najm al-Dīn Ayyūb sendiri merupakan dari suku Kurdi yang menyumbang dalam aspek pentadbiran dan ketenteraan kerajaan Zankiyyah (Ibn al-Athīr, 1967).

## Jenis Pasukan Tentera Nūr al-Dīn Maḥmūd Zankī

### (a) Pasukan Kavalri (Berkuda)

Pasukan kavalri pada abad pertengahan memainkan peranan penting dalam perluasan wilayah, pertahanan dan peperangan. Dalam konteks pasukan berkuda Nūr al-Dīn, sebahagian besarnya terdiri daripada tentera Turkmen, yang terkenal sebagai pemanah berkuda yang mahir serta tentera Kurdi. Menurut Nikita, terdapat pasukan berkuda profesional yang dikenali sebagai *tawāshī*, iaitu individu bebas yang memiliki kuda peribadi dan dibantu oleh seorang *ghulām* (pembantu senjata). Setiap *tawāshī* menerima elaun antara 700 hingga 1,200 dinar dan bertanggungjawab menyelenggara 10 ekor haiwan, termasuk kuda perang, kuda beban, keldai dan unta untuk kegunaan bersama (Elisséeff, 1967). Namun, pengkaji tidak menemukan maklumat yang khusus mengenai perkara ini pada era Nūr al-Dīn, barangkali Nikita menjelaskan kewujudan pasukan ini dalam ketenteraan Islam pada abad pertengahan secara umum.

Lazimnya, pasukan kavalri Nūr al-Dīn akan dilengkapi dengan *turs* (perisai bulat) dan topi keledar bulat serta memakai baju rantai besi pendek. Mereka menggunakan pedang dan belantan tetapi senjata utama mereka adalah busur panah. Walaupun perisai mereka lebih ringan dan kurang melindungi daripada serangan musuh khususnya pasukan Frank, mereka mengatasi kelemahan ini melalui mobiliti tinggi, kelajuan dan ketepatan memanah dari atas kuda. Adapun menurut Munqidh (1995), seorang penunggang kuda akan dilengkapi *kazāghand* (baju rantai besi yang dilapisi kain), *khūdhah* (topi besi), pedang yang digantung pada tali pinggang, tombak *rumḥ* dan perisai *turs* (Munqidh, 1995). Catatan ini bagaimanapun dilihat ada pasukan berkuda Arab di kota Shayzār pada awal dan pertengahan abad ke-12M. Justeru, David Niccole berpandangan kelengkapan pasukan kavalri Turkmen adalah sedikit berbeza dengan pasukan kavalri Arab atau Kurdi terutamanya dalam penggunaan busur panah (Nicolle, 1982).

Selain aspek persenjataan, kemahiran dan latihan berkuda juga sangat penting dalam tentera Nūr al-Dīn. Memandangkan majoriti tentera berkuda berasal dari bangsa Turkmen dan Kurdi,

kemungkinan besar mereka menggunakan tradisi berkuda Turki, yang menekankan keseimbangan kiri semasa menembak panah dari kuda (Nicolle, 1982). Pasukan Muslim juga menjalani latihan ketenteraan terhad di kawasan tertutup yang dikenali sebagai *mīdān* yang disediakan khas oleh Nūr al-Dīn di beberapa bandar utama. Dalam formasi melalui sesebuah wilayah pihak musuh, pasukan kavalri akan ditempatkan dibarisan hadapan infantri (Nicolle, 1982).

Untuk memastikan tenteranya sentiasa bersedia, Nūr al-Dīn membina beberapa kawasan latihan berkuda (*mīdān*) berhampiran Aleppo dan Dimashq. Di Dimashq, terdapat dua kawasan latihan utama: (a) *Mīdān al-Aḥḍar* (Hipodrom Hijau) yang terletak di barat kota, berhampiran Sungai Baradā; dan (b) *Mīdān al-Ḥaṣā'* (Hipodrom Berbatu), terletak di selatan kota. Adapun di Aleppo, Nūr al-Dīn membina *Mīdān al-Aswad* (Hipodrom Hitam) berhampiran *Bāb al-'Irāq* untuk latihan pasukan Turkmen di kawasan al-Yarūqī. Kawasan ini berukuran 393½ hasta panjang dan 166 hasta lebar. Tidak hanya itu, di dalam benteng Aleppo, Nūr al-Dīn juga membina *Mīdān al-Aḥḍar*, sebuah padang hijau untuk latihan berkuda yang juga digunakan untuk permainan *la'b al-Kurra* iaitu seakan permainan polo pada hari ini. Nūr al-Dīn sendiri turut bermain permainan ini sebagai satu latihan ketangkasan berkuda dan menggunakan alat.

#### (b) Pasukan Infantri

Infantri merupakan bahagian penting dalam tentera Muslim zaman pertengahan (Lev, 2008). Gerakan ketenteraan Nūr al-Dīn ini diperkuatkan dengan kehadiran pasukan infantri yang digunakan dalam kempen pengepungan atau operasi ketenteraan berskala besar bersama-sama pasukan berkuda. Menurut David Nicolle, pasukan pejalan kaki ini terdiri daripada pemanah dan pemanah panah silang, serta unit bersenjata tombak dan lembing yang berperanan sebagai pertahanan dalam formasi tempur (Nicolle, 1982). Pasukan ini turut dibahagikan kepada beberapa unit khas antaranya *al-Ḥajjārūn* iaitu pasukan yang mengendalikan mesin pelontar (mangonel/balista); keduanya *al-Naqqābūn*, pasukan jurutera yang bertugas sebagai pembina terowong dan pemecah benteng (Kennedy, 2001). Mereka menggunakan alat seperti cangkul, tukul, dan pahat besi. Dalam kalangan *al-Naqqābūn* ini terdiri daripada sejumlah besar tentera upahan dari Khurasan dan Aleppo yang terkenal dengan kemahiran mereka dalam kerja-kerja penggalian atau pembinaan semula kubu (Lev, 2006). Adapun kategori ketiga adalah pekerja binaan dan tukang kayu yang membantu dalam pembangunan benteng pertahanan dan pembaikan kota yang ditawan dan keempatnya adalah unit *al-Ṣunnā'* dan *al-Muqaddamūn* yang terdiri daripada kumpulan pekerja mahir (Elisséeff, 1967).

Selain itu, pasukan Infantri turut diperkuatkan dengan pasukan *al-Naffātūn* iaitu *flamethrower troops* (pasukan pembakar atau pelembar api) dalam peperangan. Mereka menggunakan senjata seperti *naft* (bahan bakar cair) untuk membakar kubu atau kapal musuh. Kesan pembakaran besar-besaran dari pasukan *al-Naffātūn* akan menimbulkan ketakutan dan kekacauan dalam barisan musuh. Alatan sokongan yang digunakan oleh pasukan *al-Naffātūn* ialah Manjanik (mangonel/trebuchet) iaitu mesin pelontar batu besar yang menggunakan tenaga *counterweight* (trebuchet) atau tali torsion (mangonel). Manjanik berfungsi sebagai alat bantu untuk melontarkan *naft* bagi meruntuhkan tembok atau menara musuh (Kennedy, 2001). Walaupun Nikita menyebut dalam pemerintah Nūr al-Dīn tidak banyak bukti menunjukkan bahawa beliau sering menggunakan taktik ini dalam pertempuran. Pengkaji melihat beberapa catatan dari William (1943) secara jelas menyebut penggunaan *machines and hurling engines* yang merujuk kepada penggunaan senjata pelontar seperti manjanik terutama dalam kempen menawan Bānyās dan Ḥārim pada tahun 559H/1163M (William, 1943; Ibn al-Athīr, 1967).

Usāmah bin Munqidh dalam karyanya, *al-I'tibār* menyebut secara tidak langsung kelengkapan perang pasukan infantri era Nūr al-Dīn yang dilengkapi dengan pedang, *ṭurs* (perisai), *quntāriyyah* atau *rumḥ* (tombak), *qārūrah* (bom naphta), *sikkīnah* (pisau belati), *zardiyyah* (baju rantai besi) dan *khūdḥah* (topi besi), yang nampaknya dilengkapi dengan penutup rantai besi (*aventail*) menutupi muka (Munqidh, 1995). David Niccole mengandaikan peralatan-peralatan tradisional ini adalah suatu kelaziman dalam pasukan infantri Muslim ketika berdepan dengan orang Frank pada abad pertengahan (Nicolle, 1982).

Selain tentera tetap, terdapat pasukan *muṭawwi'ūn* (sukarelawan) yang terdiri daripada *fuqahā'* dan ahli sufi yang berjuang atas dasar keagamaan dan jihad. Adapun pasukan sukarelawan kedua pula terdiri daripada tentera upahan jangka pendek, mereka berperang dalam tempoh tertentu dan menerima bayaran, akan tetapi penglibatan mereka juga dipercayai kerana termotivasi oleh harta rampasan perang. Selain itu, terdapat *ghuzāt* (pejuang jihad bebas) yang sering menyertai pertempuran tetapi lebih cenderung mengejar harta rampasan perang berbanding pahala akhirat. Satu lagi kategori tentera ialah *al-baṭṭālūn*, iaitu mereka yang tidak didaftarkan secara rasmi dalam tentera tetapi masih menerima '*aṭā'* (gaji) dan bekalan makanan (*naḥaqāt*). Pasukan *al-baṭṭālūn* ini dikenali sebagai pasukan pahlawan yang tidak kenal takut ('Abd al-Majīd, 2021).

### (c) Perkhidmatan Sokongan Pasukan Tentera Nūr al-Dīn Maḥmūd Zankī

Selain unit tempur utama, terdapat beberapa pasukan sokongan yang memainkan peranan penting dalam memastikan kelancaran operasi ketenteraan dan kesejahteraan anggota tentera. Antara pasukan sokongan tersebut adalah unit psikologi dan keagamaan yang terdiri daripada beberapa individu yang memainkan peranan penting dalam memberi motivasi dan pembinaan semangat juang. Antaranya adalah Imam dan qari yang bertanggungjawab membaca al-Quran dan memberi motivasi moral kepada tentera. manakala khatib (pendakwah) menyampaikan khutbah dan seruan jihad untuk meningkatkan semangat perjuangan (Ash-Shallabi, 2014). *Qadi* (hakim tentera) pula mengendalikan kes-kes mahkamah dalam tentera serta mengawasi pengagihan harta rampasan perang untuk memastikan ia dilaksanakan dengan adil. Selain itu, terdapat juga pegawai khas yang menerima aduan dan permintaan daripada tentera, yang bertujuan memastikan kebajikan mereka sentiasa terjaga. Di samping itu, pasukan jurubahasa dan penulis juga diperlukan untuk merekod strategi ketenteraan serta menterjemah komunikasi diplomatik yang penting untuk hubungan antara kerajaan dan tentera. Dalam aspek perkhidmatan perubatan, walaupun maklumat mengenai doktor tentera Nūr al-Dīn adalah terhad, tentera tersebut kemungkinan besar mempunyai doktor dan pakar bedah untuk rawatan luka serta amputasi (pemotongan sebahagian anggota badan akibat penyakit atau kecederaan teruk). Pasukan sokongan ini memberikan sokongan yang diperlukan untuk memastikan tentera Nūr al-Dīn berfungsi dengan baik dalam setiap aspek pertempuran dan kehidupan ketenteraan mereka (Elisséeff, 1967).

### Kebajikan Tentera

Sistem *Iqtā'* merujuk kepada pemberian tanah oleh pemerintah kepada individu, terutama golongan tentera, sebagai ganjaran atas perkhidmatan ketenteraan (Sato, 1997). Fungsi utama *Iqtā'* adalah untuk membiayai tentera dengan hasil cukai tanah, di mana pemegang *Iqtā'* bertanggungjawab untuk mengurus tanah tersebut. Selepas kekalahan Nūr al-Dīn dalam pertempuran al-Buqay'ah (558H/1163M), beliau mengisytiharkan bahawa *Iqtā'* boleh diwarisi seperti tanah milik peribadi (*mulk*). Sebagai pemilikan hak guna hasil (*usufructuary*), tanah ini dikenakan zakat pertanian (*'ushr*) sama seperti tanah pertanian lain dalam dunia Islam. Hampir semua amir utama dalam kerajaan Nūr al-Dīn diberikan *Iqtā'* sebagai sumber pendapatan

mereka. Akan tetapi, beliau mengawal dengan ketat pemegang *Iqtā'* agar mereka tidak melebihi kuasa yang diberikan.

Semua perkara berkaitan *Iqtā'* ketenteraan dikendalikan oleh *Diwān al-Jund*. Maklumat mengenai setiap tanah, termasuk lokasi, keluasan, hasil cukai, jumlah tentera yang perlu disediakan, jenis senjata, dan jumlah haiwan tunggangan, direkodkan dalam daftar khas. Pemegang *Iqtā'* diberikan hak untuk memungut cukai dalam bentuk wang atau hasil pertanian, tetapi jumlah cukai yang boleh dikutip telah ditetapkan oleh pemerintah. Mereka juga bertanggungjawab terhadap pembangunan ekonomi kawasan mereka, termasuk pengairan dan penyelenggaraan saluran air. Pegawai kerajaan sentiasa mengawasi mereka untuk memastikan mereka memenuhi tanggungjawab mereka. Saiz *Iqtā'* sangat berbeza, ada yang kecil dan hanya terdiri daripada tanah pertanian, sementara ada yang sangat besar merangkumi bandar dan benteng pertahanan. Contohnya, Asad al-Dīn Shīrkūh, memiliki *Iqtā'* yang meliputi Ḥomṣ, Tadmur dan al-Raḥba di sekitar Furāt. Kawasan ini membahagikan kerajaan Zankiyyah kepada dua bahagian yang membolehkan keluarga Asadid (keturunan Shīrkūh) memerintah wilayah Ḥomṣ secara separa autonomi selama hampir 100 tahun. Ada juga *Iqtā'* yang dicabut dari pemilikinya seperti yang berlaku kepada Ghāzī bin Ḥasān, amir wilayah Manbij yang melakukan pemberontakan terhadap Nūr al-Dīn pada tahun 562 H/1166 M. Hal ini menuntut agar Nūr al-Dīn mencabut hak pemilikan tanah dari Ghāzī dan diberikan pada saudaranya Quṭb al-Dīn Yināl bin Ḥasān (Ibn al-Athīr, 1967). Menurut Abū Shāmāh, Mleh bin Leon turut diberikan *Iqtā'* oleh Nūr al-Dīn sebagai pengikat, sehingga akhirnya Mleh menerima untuk taat dan berkhidmat kepada Nūr al-Dīn serta membantunya menentang kaum Frank (Abū Shāmāh, 2008).

Setiap tentera yang menyertai pertempuran berhak mendapat '*aṭā'*', yang diuruskan oleh *Diwān al-Jund*. Sebelum pembayaran, satu proses pemeriksaan dilakukan terhadap senarai daftar tentera, termasuk butiran peribadi dan senarai kuda. Manakala harta rampasan perang (ghanimah) yang berskala besar memerlukan kaedah pembahagian harta yang adil. Urusan pembahagian ghanimah ini diletakkan di bawah *Diwān* khas yang dikawal oleh qadi. Kaedah pembahagian ini termasuk bahagian tentera infantri yang mendapat ghanimah lebih kecil berbanding kavalri. Hal ini kerana kavalri menerima bahagian tambahan untuk kuda mereka. Adapun harta yang asalnya milik Muslim sebelum dirampas oleh tentera Frank dikembalikan kepada pemilik asal sekiranya pemilik itu dapat membuktikan hak milik mereka sebelum pembahagian. Dalam kes tertentu, Nūr al-Dīn turut menyediakan tambahan gaji kepada pasukan tentera seperti ekspedisi Asad al-Dīn Shīrkūh ke Mesir pada tahun 564H/1169M, Nūr al-Dīn turut memberikan ganjaran sebanyak 20 dinar kepada pasukan tentera (Ibn al-Athīr, 1967).

Abū Shāmāh merekodkan bahawa apabila seorang daripada tentera Nūr al-Dīn meninggal dunia dan meninggalkan anak, beliau mengekalkan tanah *iqtā'* itu kepada anaknya. Jika anak itu sudah dewasa, maka dia menguruskan sendiri, tetapi jika masih kecil, beliau akan melantik seorang lelaki yang berakal dan dipercayai untuk menguruskan hal anak itu sehingga ia dewasa (Abū Shāmāh, 2008). Perkara ini bagi memastikan kestabilan sistem *iqtā'* dengan melantik pengawas untuk mengurus pewarisan *Iqtā'* kepada waris pemegang asal, termasuk anak-anak yang masih kecil. Bahkan, langkah ini bertujuan untuk mengekalkan kesetiaan tentera kepada pemerintah.

### Taktik Perang dan Adaptasi di Medan Perang

Dalam suasana politik yang tidak stabil serta dengan jumlah tentera yang agak kecil, Nūr al-Dīn mengelakkan diri daripada meninggalkan ibu kotanya terlalu lama atau terlibat dalam

peperangan berpanjangan. Sebaliknya, beliau menggunakan kelebihan kelajuan pergerakan tentera Turkmen, yang mahir dalam taktik serangan kilat dan perang gerila. Terdapat beberapa taktik perang yang digunakan Nūr al-Dīn ketika berdepan dengan pihak musuh.

### Serangan Kilat

Strategi ketenteraan Nūr al-Dīn Zankī menekankan kecekapan serangan mengejut dan penggunaan taktik perangkap yang tersusun. Pasukan berkuda elit, terdiri daripada kavaleri Mamlūk dan pahlawan Turkmen, dilatih secara intensif untuk melancarkan serangan pantas ke atas posisi musuh. Taktik utama termasuk menggali terowong oleh pasukan pelombong bagi melemahkan struktur benteng sebelum bantuan musuh tiba, memudahkan penawanan kawasan tersebut. Serangan kilat sering dijalankan pada musim bunga dan awal musim panas, apabila mobiliti pasukan berada di tahap optimum. Misi ini bukan bertujuan menawan wilayah, sebaliknya untuk melemahkan ekonomi lawan melalui pemusnahan ladang, penjarahan hasil pertanian, dan sabotaj sistem bekalan air. Selepas objektif tercapai dan harta rampasan dikumpulkan, tentera akan berundur tanpa perlu menempuh peperangan berkepanjangan di kubu utama musuh.

### Kepungan Kota atau Benteng

Strategi pengepungan merupakan antara elemen terpenting dalam kempen ketenteraan Nūr al-Dīn Zankī bagi menawan kota strategik dan melemahkan kedudukan musuh. Beliau sering melaksanakan dua bentuk utama pengepungan, pertama, perang mobiliti yang melibatkan tindakan pantas mengepung kubu tertentu dan kedua, perang kepungan jangka panjang bagi menguasai wilayah yang berkubu kuat. Tindakan ini bukan sahaja bertujuan menawan wilayah, tetapi juga melemahkan musuh dengan menutup akses kepada bekalan makanan, sumber air dan laluan perdagangan. Kota-kota seperti Edessa dan Dimashq berjaya dikuasai melalui kaedah ini, menjadikannya antara kejayaan terbesar dalam siri kempen ketenteraannya.

Namun, sekiranya pengepungan dilihat mengambil masa terlalu lama atau memperlihatkan potensi ketibaan bantuan tentera Frank, Nūr al-Dīn akan segera menghentikan operasi tersebut. Sebaliknya, beliau akan mengalihkan sasaran kepada penempatan sekeliling dengan melancarkan serangan pemusnahan terhadap sumber ekonomi musuh, sebelum berundur ke wilayah asal. Pendekatan ini membolehkan tentera Islam melemahkan kekuatan lawan tanpa berisiko tinggi menanggung kerugian besar akibat pertahanan kota yang terlalu kukuh atau medan yang tidak menguntungkan.

Dalam pelaksanaan taktik pengepungan, beberapa kaedah digunakan. Antaranya termasuk sekatan ketat yang bertujuan memutuskan laluan bekalan dan memaksa kota menyerah diri serta serangan bawah tanah (*sapping and mining*) untuk meruntuhkan tembok pertahanan. Mesin-mesin perang turut memainkan peranan penting, termasuk *kabsh* (*battering ram*) untuk memecahkan tembok, manjanik untuk melontar batu besar, dan *'arrāda* (busur besar beroda) untuk menyerang tentera musuh di atas benteng. Semua mesin ini dilindungi dengan khemah khas kalis api yang diperbuat daripada kulit haiwan basah dan tanah liat.

Pengepungan kota atau benteng turut mengambil kira aspek psikologi dan ekonomi. Semasa pengepungan Dimashq, Nūr al-Dīn mendekati penduduk setempat dengan perlindungan ketenteraan, membina jaringan kepercayaan dengan pemilik tanah, serta menyebarkan propaganda yang menggugat keyakinan rakyat terhadap pemerintah kota. Beliau juga dilaporkan membeli kesetiaan pasukan pertahanan dalam kota sebagai strategi menggugat kekuatan dari dalam. Hal ini secara tidak langsung membuka peluang Nūr al-Dīn untuk

mendapatkan sokongan rakyat tempatan dari kota atau benteng yang ingin ditawan. Walaupun terdapat kejayaan, beberapa kempen pengepungan seperti di Bānyās dan Antioch menghadapi kegagalan akibat kekurangan bekalan, faktor kewangan, atau ciri geografi kota yang menyukarkan penawanan.

### ***Karr wa Farr* (Serang dan Undur)**

Taktik *Karr wa Farr* merupakan satu daripada strategi peperangan paling efektif dalam sejarah ketenteraan Islam, khususnya bagi pasukan berkuda pada era Saljūq. Taktik ini menggabungkan serangan mendadak (كَرْ) dan pengunduran terancang (فَرّ) untuk mengelirukan dan melemahkan musuh, terutamanya pasukan infantri atau kavalri berat yang kurang mobil. Dengan menggunakan kelajuan dan ketangkasan kuda Turki serta kepantasan pemanah berkuda, taktik ini telah diadaptasi dalam pertempuran seperti serangan ke atas kubu Artāh pada tahun 1164 dan perang al-Bābayn pada tahun 1167, dengan pasukan Frank terperangkap dan mengalami kekalahan (Ibn al-‘Adīm, 1996). Taktik ini, meskipun mudah, memerlukan disiplin tinggi dan kecekapan dalam berkuda serta memanah dari jarak jauh. Kelebihannya taktik ini terletak pada fleksibiliti pasukan yang boleh menyerang seperti gelombang, kemudian berpura-pura lari untuk memancing musuh ke dalam perangkap atau memanah mereka dari jarak selamat.

Perisikan juga menjadi elemen penting dalam strategi peperangan Nūr al-Dīn. Ejen perisik, termasuk orang Turkmen, telah ditugaskan untuk mengintip pergerakan pemimpin tentera Frank dan mengatur serangan hendap. Sebagai contoh, Joscelin II, seorang daripada pemimpin tentera Frank, telah ditawan oleh pasukan Turkmen dalam satu serangan hendap (Ibn al-Athīr, 1967). Keupayaan pasukan Nūr al-Dīn untuk menangkap ramai pemimpin utama tentera Frank dalam pertempuran menunjukkan kecekapan mereka dalam taktik serangan mengejut dan serangan hendap. Adapun dari aspek kelengkapan perang bagi tenteranya, Abdulkadir Turan menyatakan tentera Nūr al-Dīn lazimnya dilengkapi dengan pedang, perisai, busur dan anak panah, tombak, *quntāriyya* (tombak panjang), serta memakai *zirah* (baju besi) dalam peperangan yang disertai. Sebagai memberi isyarat atau menyemarakkan semangat askar pula akan digunakan gendang, *kös* (gendang besar), serta pelbagai alat muzik (Turan, 2018).

### **Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, asas ketenteraan Islam di bawah Nūr al-Dīn Maḥmūd Zankī (1146-1174M) bukan sekadar terbina atas kekuatan fizikal dan keupayaan taktikal, tetapi berakar pada satu visi jihad yang bersifat normatif, terancang dan berasaskan kesedaran agama. Matlamat ketenteraan Nūr al-Dīn lahir daripada tiga krisis utama iaitu ancaman peluasan kuasa Frank, perpecahan kuasa dalam dunia Islam dan pakatan sebahagian pemimpin Muslim dengan musuh yang mendorong beliau merangka satu projek jihad yang menyatukan legitimasi agama, kepentingan politik dan strategi peperangan. Dari sudut struktur, ketenteraan Nūr al-Dīn memperlihatkan satu organisasi yang tersusun dan bertingkat, dengan kedudukan pembahagian unit-unit tempur, serta sokongan logistik dan perubatan yang jelas. Struktur ini membolehkan beliau mengekalkan kawalan pusat sambil memastikan kelenturan operasi di medan perang. Komposisi tenteranya pula bersifat dinamik dan berbilang etnik dengan gabungan pasukan elit berkuda, kontinjen wilayah, Turki, Kurdi, Turkmen, sukarelawan jihad dan tentera sekutu yang digerakkan mengikut keperluan kempen dan konteks politik.

Sekiranya diteliti melalui lensa prinsip-prinsip asas teori perang seperti yang dihuraikan oleh Sun Tzu terkait kepimpinan, disiplin, moral tentera, pengurusan sumber dan strategi menyeluruh, maka model ketenteraan Nūr al-Dīn memperlihatkan beberapa titik pertemuan seperti penekanan kepada kepimpinan yang berwibawa, penggunaan jaringan maklumat,

pengurusan logistik, pembinaan moral dan motivasi tentera, namun tetap dalam bingkai nilai Islam yang berteraskan tawhid, keadilan dan tanggungjawab mempertahankan tanah air. Dengan demikian, asas ketenteraan Islam di bawah Nūr al-Dīn dapat dirumuskan sebagai satu ekosistem ketenteraan yang menyepadukan kekuatan struktur, ketertiban organisasi, keluasan jaringan politik, keteguhan rohani dan kejelasan matlamat jihad. Kajian ini menyumbang kepada pengembangan wacana ketenteraan Islam dengan menghimpunkan perbincangan tentang matlamat, struktur, komposisi dan institusi ketenteraan Nūr al-Dīn secara lebih sistematik, di samping membuka ruang untuk kajian lanjutan secara komparatif dengan era Saljūq, Ayyubiyah dan Mamlūk, khususnya dari sudut logistik, kewangan ketenteraan dan hubungan antara ulama, istana dan medan perang.

## Rujukan

- ‘Abd al-Majīd, ‘Abd Allāh Aḥmad Hammām. (2021). *Dawr al-ḥajjārīn wa-al-naqqābīn fī al-ma‘ārik wa-al-ḥamalāt al-‘askariyya fī al-‘aṣrayn al-Ayyūbī wa-al-Mamlūkī fī Miṣr wa-Bilād al-Shām (567-923H/1171-1517M)*. *Majallat Kulliyat al-Ādāb bi-Qinā*, 30(53), 1531-1573.
- Abū Shāmah, Shihab al-Din ‘Abd al-Rahman. (2008). *Kitāb al-Rawḍatayn fī Akhbār al-Dawlatayn al-Nūriyyah wa al-Ṣālihiyyah*. Beirut: Dar al-Kitab al-‘Ilmiyyah.
- Abu-Munshar, M. Y. (2025). Peranan Nur al-Din Mahmud Zanki dan perjuangan pembebasan Bayt al-Maqdis. Temu bual, 5 September.
- Alatas, A. & Majdin, M. F. M. (2022). Muslim disunity and lost in First Crusade. *UMRAN: International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 9(2), 19-28.
- Ash-Shallabi, Ali Muhammad. (2014). *Bangkit dan Runtuhnya Daulah Bani Saljuk: Kontribusinya bagi Peradaban Islam di Abad Pertengahan*. Terj. M. Irham & M. Supar. Jakarta Timur: Pustaka Al-Kautsar.
- Daud, B. C. (2025). Peranan Nur al-Din Mahmud Zanki dan perjuangan pembebasan Bayt al-Maqdis. Temu bual, 8 Ogos.
- Daud, B. C. (2015). Nūr al-Dīn and tajdīd: The role of scholars and religious institutions towards Islamic renewal in twelfth-century Syria. Conference: 2<sup>nd</sup> International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization (iCASiC2015). Kuala Lumpur. 9-10 Mac.
- Daud, B. C., El-Awaisi, A.-F. & Nor, M. R. M. (2018). Historical and geopolitical analysis of Nūr Al-Dīn Mahmūd Zankī’s plan for liberating Bayt Al-Maqdis. *Journal of Islamic Jerusalem Studies*, 18(3), 1-17.
- Elisséeff, N. (1967). *Nūr ad-Dīn: Un Grand Prince Musulman de Syrie au Temps des Croisades (511-569 H./1118-1174) Tome I*. Damascus: Institut français de Damas.
- Faruk, S. (1972). *Oğuzlar (Türkmenler) Tarihleri-Boy Teşkilâtı-Destanları*. Ankara: Ankara Üniversitesi Basımevi.
- Ibn al-‘Adīm, ‘Umar Ibn-Aḥmad. (1996). *Zubdat al-Ḥalab min Tārīḥ Ḥalab*. Aleppo: Dār al-Kutubb al-‘Ilmiyyah.
- Ibn al-Athīr, Abu al-Hasan ‘Ali ibn Abi al-Karam Muhammad. (1963). *al-Tārīkh al-Bāhir fī al-Dawlah al-Atābakiyyah bī al-Mawsul*. Lebanon: Dār al-Kitāb al-Ḥadīthah.
- Ibn al-Athīr, Abu al-Hasan ‘Ali ibn Abi al-Karam Muhammad. (1967). *Kitāb al-Kāmil fī al-Tārīkh*. Lebanon: Dar al-Kitab al-‘Arabi.
- Ibn al-Jawzī, S. (2013). *Mir’at al-Zamān fī Tārīkh al-A’yān*. Dimashq: Dār al-Risālah al-‘Ālamiyyah.
- Ibn al-Qalānisī, Abū Ya‘lā Ḥamzah ibn al-Asad. (1908). *Dhayl Tārīkh Dimashq*. Beirut: Matba‘at al-Abā al-Yasu‘iyin.
- Ibn ‘Asākir, ‘Alī ibn al-Ḥasan. (1995). *Tārīkh Madinat Dimashq*. Dimashq: Dār al-Fikr.

- Ibn Jubayr, Muḥammad ibn Aḥmad. (1964). *Riḥlat Ibn Jubayr*. Beirut: Dār Ṣādir.
- Kennedy, H. (2001). *The Armies of the Caliphs: Military and Society in the Early Islamic State*. London: Routledge.
- Lev, Y. (2006). Infantry in Muslim armies during the Crusades. Dalam Pryor, J. H. (pnyt.). *Logistics of Warfare in the Age of the Crusades*, hlm. 185-208. Surrey: Ashgate Publishing.
- Lev, Y. (2008). The jihād of Sultan Nūr al-Dīn of Syria (1146-1174): History and discourse. *Jerusalem Studies in Arabic and Islam*, 35, 227-284.
- Nicolle, D. (1982). The military technology of classical Islam. Tesis Dr. Fal. Literatures, Languages, and Cultures, University of Edinburgh.
- Othman, H. (2018). *Salib dan Penjajahan Dunia Islam*. Parit Raja: Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Sato, T. (1997). *State and Rural Society in Medieval Islam: Sultans, Muqta's and Fallahun*. Leiden: E. J. Brill.
- al-Ṣafadī, Salah al-Din Khalil ibn Aybak. (2000). *al-Wāfī bi al-Wafiyāt*. Beirut: Dār al-Ihyā' al-Turath.
- Turan, A. (2018). Nûreddin Mahmūd Zengî ve devri . Tesis Dr. Fal. Sakarya Üniversitesi Sosyal Bilimler Enstitüsü.
- Munqidh, Abu al-Muzaffar Mu'ayyad al-Dawla Majd al-Din Usama. (1995). *Kitāb al-I'tibār*. Beirut: al-Maktab al-Islāmī li al-Ṭibā'ah wa al-Nashr.
- William.. (1943). *A History of Deeds Done Beyond the Sea*. Terj. Babcock, E. A. & Krey, A. C. New York: Columbia University Press.